

# Peranan Jawatankuasa Reformasi Cukai

Oleh NURISLAMUDDIN SARUDDIN



**MENGULAS** perihal kelestarian ekonomi negara dan keharmonian yang diimpikan oleh setiap insan, sedarkah kita bahawa semua faktor ini amat berkaitan rapat dengan hasil cukai. Suka atau tidak suka, pada hakikatnya, hasil cukai inilah yang berjaya membawa sesebuah negara ke puncak jaya walaupun mungkin ada pihak yang cuba untuk menafikannya. Topik berkenaan cukai menjadi antara tajuk utama media arus perdana sejak dua tahun ini dan kerajaan amat serius dalam usaha untuk

mereformasikan sistem percukaian negara yang sudah wujud di negara ini sejak era Kesultanan Melaka.

Maka bertindak atas isu ini, kerajaan di bawah kepimpinan mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, telah menubuhkan Jawatankuasa Reformasi Cukai (TRC) pada September 2018 sebagai satu daripada agenda reformasi institusi awam. Secara demografinya, TRC dianggotai oleh mereka yang pakar dalam bidang ini serta fasih berkenaan graviti

percukaian negara dan seantero dunia, selain mereka adalah yang terbaik dalam bab berkaitan dengan cukai di negara ini.

Sehubungan dengan itu, objektif utama penubuhan TRC adalah untuk mengurangkan jurang cukai, menangani kebocoran cukai, meneroka sumber pendapatan baharu, mengkaji cukai ekonomi digital dan mengkaji keberkesanan insentif cukai yang disediakan oleh undang-undang Malaysia. Seperti yang diakui kebanyakan pihak bahawa sistem percukaian di Malaysia pada

ketika ini adalah sempurna dari pelbagai aspek. Namun demikian, sudah pasti ada banyak ruang penambahbaikan yang masih boleh diisi memandangkan isu percukaian adalah isu sejagat apatah lagi dalam konteks Malaysia.

Di Malaysia sebagai contohnya, banyak yang bekerja dan dengan penggajian yang sederhana setiap bulan gaji mereka dipotong melalui sistem potongan cukai bulanan (PCB). Walau bagaimanapun, masih banyak lagi individu di luar sana yang bekerja sendiri dan mengaut pendapatan berkali ganda namun tidak melaksanakan tanggungjawab mereka dengan tidak pernah langsung membayar cukai pendapatan yang diperoleh saban tahun.

Namun begitu, secara dasarnya kerajaan menerusi agensi percukaiannya, seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) tidak mampu untuk merayu setiap individu yang mempunyai pendapatan yang boleh dikenakan cukai agar membayar atau melunaskan cukai masing-masing. Sudah pastinya ada kaedah yang sesuai, seperti audit dan konsesi, yang akan menggalakkan pematuhan cukai sukarela dan pendekatan ini perlu dikaji dengan lebih teliti. Inilah yang dikenali sebagai ketirisan hasil yang merugikan negara dan telah menjadi isu global yang melibatkan negara maju juga.

Berkaitan dengan ketirisan hasil, tiada anggaran rasmi nilai sebenar ketirisan hasil yang berlaku di negara ini kerana perkara ini

melibatkan kelompongan sistem dan undang-undang negara seantero dunia yang tidak seragam. Namun begitu, laporan daripada *Global Financial Integrity* (GFI) mendedahkan bahawa Malaysia telah kehilangan hasil sebanyak RM136.81 bilion akibat daripada pengaliran wang haram ke luar negara.

Kehilangan hasil ini terjadi berpunca daripada pelbagai faktor antaranya termasuklah aktiviti penggubahan wang haram dan penipuan penyata bayaran serta urus niaga. Fakta-fakta ini merupakan justifikasi penubuhan TRC ini dilihat sebagai suatu usaha yang sangat signifikan untuk menambah baik sistem percukaian negara.

TRC memberikan sumbangan yang besar melalui Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS). Antara projek mega awal daripada penubuhan TRC ini termasuklah PKPS yang diperkenalkan semasa pembentangan Belanjawan 2019 yang lalu. PKPS merupakan inisiatif di bawah LHDNM yang disyorkan oleh TRC untuk menggalakkan pembayar cukai melaporkan pendapatan mereka. PKPS diibaratkan sebagai program konsesi kepada pembayar cukai yang mempunyai akaun bank di luar negara yang tidak pernah dilaporkan pendapatan dalam akaun bank ini oleh mereka kepada LHDNM agar tampil dan membuat pengakuan secara sukarela untuk menikmati kadar penalti serendah 10 peratus dan 15 peratus atas jumlah cukai yang terkurang lapor. Walau bagaimanapun, PKPS juga terbuka kepada sesiapa sahaja yang ingin membuat pengakuan secara sukarela atas isu percukaian mereka.

Sepanjang pelaksanaan program ini, PKPS secara dasarnya berjaya mencapai objektifnya apabila sebanyak 286 428 pembayar cukai telah hadir dan tampil membuat pengakuan secara sukarela yang melibatkan cukai, cukai tambahan dan penalti berjumlah RM7.8 bilion. Lebih menarik lagi, PKPS berjaya menarik sebanyak 11 176 pembayar cukai baharu yang telah dapat dibawa masuk ke dalam jaringan cukai Malaysia, sekali gus mampu membesarkan asas cukai negara. Program ini yang sepatutnya tamat pada Jun 2019, dilanjutkan hingga September 2019 kerana menerima sambutan

Laporan daripada *Global Financial Integrity* (GFI) mendedahkan bahawa Malaysia telah kehilangan hasil sebanyak RM136.81 bilion akibat daripada pengaliran wang haram ke luar negara.

yang menggalakkan daripada pembayar cukai. Selain Malaysia, program seumpama ini turut dilaksanakan oleh lebih daripada 20 buah negara antaranya termasuklah Amerika Syarikat, Australia, Kanada, Jerman, Afrika Selatan dan Indonesia.

Sementara itu, sebagai penerokaan sumber pendapatan baharu, antara transformasi dalam konteks cukai yang boleh disifatkan sebagai yang paling utama diperkenalkan oleh kerajaan dalam Belanjawan 2020 termasuklah pengenalan inisiatif Nombor Pengenalan Cukai atau *Tax Identification Number (TIN)* untuk semua perniagaan atau individu yang berumur 18 tahun dan ke atas yang mempunyai hasil pendapatan. Walaupun tiada perincian mengenai langkah ini, inisiatif ini dilihat dapat membantu usaha kerajaan untuk membesarkan asas cukai, mengurangkan ketirisan cukai dan seterusnya meningkatkan jumlah kutipan cukai pendapatan. Maka selepas ini pembayar cukai sukar untuk meloloskan diri untuk membayar cukai pendapatan memandangkan umur 18 tahun sahaja mereka sudah mempunyai fail cukai.

Inisiatif ini merupakan langkah yang tepat memandangkan tidak semua pembayar cukai layak membayar cukai pendapatan kerana peneilaian cukai adalah bergantung pada ganjaran pendapatan serta pelepasan dan insentif cukai yang diambil. Menurut Laporan Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2020, pada akhir tahun 2017, sebanyak 62.4 peratus daripada 1 251 190 buah syarikat telah berdaftar dengan LHDNM, namun hanya 7.8 peratus yang tertakhluk pada cukai pendapatan. Pada masa yang sama, hanya 16.5 peratus daripada 15 juta tenaga kerja tertakhluk pada cukai pendapatan individu.

Langkah yang diambil ini dipuji oleh banyak pengamal percukaian antaranya Ernst & Young ASEAN yang dalam notanya yang bertajuk *“EY Take 5 for Insights into Budget 2020”* menyatakan pelaksanaan TIN akan meningkatkan bilangan pembayar cukai yang berdaftar. Menurut Hilda Liow yang merupakan rakan perkongsian Global Mobility Services, PwC Malaysia, inisiatif ini akan membolehkan kerajaan untuk membuat pendaftaran cukai



Foto: mstar

secara automatik yang membabitkan individu dan perusahaan lantas memudahkan pelaporan cukai, mengurangkan kos pentadbiran serta menjimatkan masa. Sungguhpun demikian, pada masa ini kerajaan akan menjalankan perbincangan dengan pihak berkepentingan agar mekanisme pelaksanaan inisiatif ini dapat direalisasikan pada 1 Januari 2021 kelak.

Hal ini dikatakan demikian kerana pembesaran asas cukai ini penting memandangkan jumlah kutipan cukai di Malaysia dikutip di bawah angka yang sebenar yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), iaitu sebanyak 20 peratus untuk negara-negara pesat membangun seperti Malaysia. Pada tahun 2017, jumlah kutipan cukai berbanding dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah pada kadar 13.1 peratus.

Angka tersebut masih ketinggalan berbanding dengan yang dicatatkan oleh negara-negara seperti Vietnam, Chile, Poland

**Cukai yang telah diperkenalkan, kerajaan juga mengkaji dari segenap aspek terutamanya kesan kepada pelabur asing.**



dan Republik Korea Selatan yang masing-masing mencatat kutipan cukai sebanyak 19 peratus, 17.4 peratus, 16.8 peratus dan 15.4 peratus. Sememangnya fokus kerajaan adalah untuk meningkatkan hasil negara. Jalan yang paling mudah adalah dengan menaikkan kadar cukai pendapatan dan memperkenalkan cukai baharu.

Selain cukai yang telah diperkenalkan, kerajaan juga mengkaji dari segenap aspek terutamanya kesan kepada pelabur asing apabila ingin memperkenalkan cukai baharu.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cadangan cukai baharu yang boleh diperhalus oleh kerajaan. Antara yang paling popular termasuklah dengan memperkenalkan cukai digital. Platform digital merupakan pentas yang cukup luas mencakupi seantero dunia.

Platform seperti media sosial dan mata wang *crypto* merupakan suatu lubang cukai yang mungkin boleh diteroka oleh kerajaan untuk menambah hasil negara. Pada masa ini, kerajaan telah memperkenalkan cukai perkhidmatan kepada penyedia perkhidmatan dalam talian, seperti Netflix dan Spotify, mulai 1 Januari 2019. Namun demikian,

hingga kini masih belum ada cukai khusus untuk platform digital kerana masih dalam kajian.

Begitu juga dengan\*Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang skop pengenaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) telah diperluas kepada empat jenis perkhidmatan baharu yang melibatkan perkhidmatan pengendalian taman hiburan, penyediaan pembrokeran dan penaja jaminan, pembersihan serta penyediaan latihan atau tunjuk ajar. Penambahan skop cukai perkhidmatan ini dijangkakan akan membabitkan 5000 buah hingga 10 ribu buah syarikat berdaftar di seluruh negara, sekali gus akan menambah kutipan cukai tidak langsung negara. Untuk rekod, terdapat lebih 70 ribu buah syarikat berdaftar di bawah SST di seluruh negara.

Sehubungan dengan itu, hingga kini TRC telah berjaya memperkenalkan langkah-langkah konkrit untuk mereformasikan sistem percukaian negara. Maka persoalan yang timbul kini, adakah TRC akan terus kekal relevan pada masa hadapan? Adakah lima tahun, 10 tahun atau 20 tahun lagi negara ini memerlukan kepakaran dan nasihat TRC? Tidak dapat disangkal lagi bahawa negara ini memang memerlukan sebuah badan yang dapat menilai sistem percukaian negara, namun hal ini perlu melibatkan agensi percukaian negara seperti LHNDM dan JKDM yang telah berjaya membawa sistem percukaian negara ke tahap yang membanggakan seperti pada hari ini. KPI paling mudah yang boleh mengukur kejayaan sistem percukaian ialah jumlah kutipan yang berjaya dicatat. Maka berapakah angka kutipan hasil negara pada 31 Disember 2020? Sama-sama kita nantikan. •

Beberapa cadangan cukai baharu boleh diperhalus oleh kerajaan. Antara yang popular termasuklah memperkenalkan cukai digital yang cukup luas mencakupi seantero dunia.

#### Rujukan:

- <https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/2019/10/22/nombor-pengenalan-cukai-dikuat-kuasa-2021-mampu-tangani-kecurian-hasil-negara/>
- <http://www1.treasury.gov.my/pdf/hasil/2020/seksyen2.pdf>
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/656823/lhdn-kutip-rm788-bilion-hasil-pkps>
- <https://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ucapan/ub20.pdf>